

20 NOV 1998

DR MAHATHIR RASMI PUSAT REKA BENTUK PERABOT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 20 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Pusat Reka Bentuk Perabot Malaysia di Aras 3, Menara PGRM, Jalan Pudu Ulu di sini.

Pusat itu ditubuhkan bersama oleh Majlis Kayu-kayan Malaysia (MTC) dan Majlis Industri Perabot Malaysia (MFIC).

Ia bertujuan meningkatkan kemampuan pekilang perabot Malaysia daripada segi inovasi dan kreativiti selaras dengan kemajuan dalam industri itu.

Dalam perutusannya pada buku cenderamata sempena perasmian itu, Dr Mahathir berkata ekoran globalisasi dan liberalisasi perdagangan, industri perabot Malaysia perlu lebih inovatif dan kreatif untuk mengekalkan kelebihan daya saingnya dalam pasaran antarabangsa.

Katanya pusat itu ditubuhkan untuk menerajui perkembangan dalam bidang itu.

Perdana Menteri berkata pekilang hendaklah bekerjasama dengan pereka bentuk bagi menghasilkan perabot yang bermutu tinggi, baik daripada sudut estetika mahupun fungsinya.

Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik juga hadir.

-- BERNAMA

HS NMO